

BIL.

6

BERITA



EDISI KEENAM 2019

NOVEMBER - DISEMBER

ربيع الأول 1441هـ - جمادى الأولى 1441هـ

PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Maulidur Rasul 1441H

PERINGKAT PASIR GUDANG BERLANGSUNG MERIAH

Menarik Di Dalam...

Pasir Gudang November Run 2019

Lebih 130 Peserta Meriahkan MPPG Fun Run 2.0

Majlis Penutup Sukan Dalam MPPG 2019



SESI TOWN HALL

Majlis MPPG Bersama Rakyat 2/2019

15 Disember 2019 (Ahad) | 8.45pagi

teras 3, Menara Dabab, Majlis Perbandaran Pasir Gudang



SESI TOWNHALL MAJLIS MPPG BERSAMA RAKYAT 2/2019



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Satu saja ungkapan yang dapat saya gambarkan iaitu syukur Alhamdulillah ke hadirat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berjumpa lagi pada bulan Edisi Keenam Berita Pasir Gudang (BPG) yang juga merupakan edisi terakhir bagi tahun 2019 ini. Semoga kita semakin bersyukur dengan apa yang kita perolehi pada hari ini.

Kita telah memasuki suku keempat yang juga merupakan suku terakhir bagi tahun 2019 ini. Dalam bulan November yang lalu, MPPG telah merangkul satu lagi kejayaan yang membanggakan apabila mendapat Anugerah Emas Lima Bintang dalam *Annual Productivity and Innovation Conference and Exhibition (APIC) 2019* Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Sunway Convention Centre, Selangor. Kumpulan An-Najwan dan Sapphire dari MPPG juga telah disenaraikan sebagai 20 kumpulan terbaik keseluruhan bagi kategori Kerajaan Awam Negeri. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada mereka yang berjaya.

Seterusnya, MPPG juga telah mengadakan Townhall Majlis Bersama Rakyat bagi Sesi 2 pada 15 Disember yang lalu. Sesi Townhall ini menjadi rujukan dan medan perbincangan antara komuniti dan pengurusan MPPG telah berjaya menyelesaikan isu semasa berkaitan masalah penduduk di Pasir Gudang. Melalui anjuran ini juga, penduduk dapat berkongsi idea dan berbincang mengenai apa sahaja isu dan aduan yang disampaikan bagi mencari penyelesaian yang terbaik. Sesi dialog ini juga turut disertai oleh Yang Berhormat Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh, ADUN Permas bersama Pengerusi Zon, ketua-ketua Jawatankuasa penduduk serta penduduk Pasir Gudang.

Sambutan Maulidur Rasul bagi tahun 1441 Hijrah Peringkat Pasir Gudang juga telah diadakan bertempat di masjid Jamek Pasir Gudang yang dihadiri hampir 5,000 penduduk Pasir Gudang. Dengan tema 'Negara Rahmah Ummah Sejahtera' sambutan bagi tahun ini turut menjemput penceramah jemputan, Al-Fadhil Ustaz Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim dan diserikan lagi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari qari jemputan, Yang Berbahagia Tuan Haji Mohamad Muslim bin Ali.

Bagi bulan November dan Disember ini juga, MPPG turut menerima lawatan dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang bagi mempelajari mengenai cara pengurusan cukai dan pungutan hasil cukai di MPPG, manakala lawatan dari Majlis Daerah Simunjan disertai oleh Ahli Majlis Majlis Daerah Simunjan yang ingin mempelajari amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh MPPG yang boleh dijadikan contoh kepada daerah Simunjan.

Selain itu, beberapa program anjuran MPPG turut diadakan. Antaranya Seminar Premis Makanan dan Tandas Lestari, Majlis Perasmian Taman Komuniti Balau di Taman Rinting Pasir Gudang serta Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Imigresen Malaysia yang dianjurkan bersama Pengurusan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang bersama Jabatan Imigresen Malaysia Cawangan UTC Pasir Gudang.

Bagi menghargai jasa dan sumbangan pegawai Zon Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Penghargaan kepada Pegawai Zon Ahli Majlis telah diadakan pada 27 Disember bertempat Hotel Renaissance Johor Bahru. seramai 24 orang pegawai zon bersama Pengerusi zon masing-masing telah hadir dalam program ini.

MPPG merupakan sebuah PBT yang begitu menitikberatkan aspek kesukanan dalam pengurusan dan pentadbirannya, justeru pelbagai aktiviti sukan telah dianjurkan sepanjang bulan November dan Disember ini. Antaranya Kejohanan Karom Terbuka Pasir Gudang, *Pasir Gudang November Run*, Karnival Hoki 9-Sebelah Piala Yang Dipertua MPPG, *MPPG Fun Ride 2.0 2019*. Pasukan Bola Sepak MPPG juga telah berjaya ke Peringkat Akhir bagi Karnival Bola Sepak Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor 2019 dan telah mendapat Naib Johan dalam kejohanan ini, manakala bagi Liga Perdana Pasir Gudang, Piala FA 2019, pasukan ini berjaya merangkul johan apabila mengalahkan pasukan Iskandar FC. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Semoga semangat kesukanan ini dapat diteruskan dan diperluaskan lagi bagi arena sukan yang lain. Selain itu, MPPG turut mengadakan Majlis Penutup Sukan Dalaman 2019. Pelbagai aktiviti sukan telah dianjurkan sepanjang tahun 2019 yang disertai oleh warga kerja MPPG yang dibahagikan kepada empat buah pasukan.

Akhir sekali, saya dengan rasa sukacita ingin mengucapkan 'Selamat Menyambut Perayaan Krismas kepada semua warga Pasir Gudang.

Sehingga kita berjumpa lagi dalam keluaran akan datang.

Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

AJK SIDANG REDAKSI 2019

PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

KETUA EDITOR

Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap
Setiausaha MPPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Tuan Haji Ab. Jalil bin Ab. Rahman

PENGARANG

Encik Nik Masri bin Moharani

PEMBERITA

Encik Basar bin Kallil
Puan Nadztasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazli

KANDUNGAN

- 3 ▶ Maulidur Rasul 1441H Peringkat Pasir Gudang Berlangsung Meriah
- 4 ▶ MPPG Merangkul Anugerah Emas 5 Bintang Di Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan APIC 2019
- 5 ▶ Sesi *Townhall* MPPG Bersama Rakyat 2/2019
- 6 ▶ Seminar Premis Makanan dan Tandas Lestari Serta Program 3R, Perkongsian Pintar EM *Mudball* dan Pengkompanan
- 7 ▶ Lawatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang
▶ Lawatan Majlis Daerah Simunjan, Sarawak
- 8 ▶ *Pasir Gudang November Run 2019*
- 9 ▶ Majlis Penghargaan Kepada Pegawai Zon Ahli Majlis,
▶ Majlis Perbandaran Pasir Gudang
▶ MPPG Rasmi Taman Komuniti Balau Pasir Gudang
- 10-12 ▶ Lensa Bulanan
- 13 ▶ Lebih 130 Peserta Meriahkan *MPPG Fun Run 2.0*
- 14 ▶ Majlis Penutup Sukan Dalaman MPPG 2019
- 15 ▶ KSK MPPG Anjur Program *Cam Journey To Jannah 2019*
▶ Kejohanan Karom Terbuka Pasir Gudang 2019
- 16 ▶ Karnival Bola Sepak Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor 2019
▶ Liga Perdana Pasir Gudang : Piala FA 2019
- 17 ▶ Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Imegresen Malaysia
▶ Karnival Hoki 9 - Sebelah Piala Yang Dipertua MPPG 2019
- 18-19 ▶ Lensa Yayasan Pasir Gudang
- 20 ▶ Info Terkini : Aturcara Sesi *Townhall* Majlis Mesra MPPG Bersama Rakyat Kalj Kedua 2019

Maulidur Rasul 1441H

PERINGKAT PASIR GUDANG BERLANGSUNG MERIAH

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi (Muhammad), wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."
(Al-Ahzab:56)



Dengan membawa tema "Negara Rahmah Ummah Sejahtera", penganjuran sambutan maulidur Rasul bagi tahun 1441 Hijrah berlangsung meriah yang diadakan di Masjid Jamek Pasir Gudang. Program anjuran Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid An-Nur Pasir Gudang dan Jawatankuasa Penduduk sekitar Pasir Gudang berjaya menarik ribuan pengunjung.

Majlis telah dimulakan pada sebelah malam bermula selepas solat Maghrib. Seterusnya alunan selawat qasidah telah dipersembahkan oleh tetamu jemputan, kumpulan Qasidah Al-Uzaifah Ibn Yaman dari Institusi Latihan Perindustrian Pasir Gudang. Seterusnya selepas solat Isya', acara gotong-royong memasak jamuan diadakan yang turut dimeriahkan dengan kehadiran Yang Dipertua MPPG Tuan Hj. Zainor Adani dan Setiausaha Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap. Seterusnya pada keesokkan hari pula, acara sambutan dimulakan seawal jam 7.00 pagi dengan perarakan kontigen berselawat bermula dari Stadium Perbandaran Pasir Gudang menuju ke Masjid Jamek An-Nur. Turut serta dalam perarakan ini, YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh ADUN Permas, Tuan Hj Zainor bin Adani, Yang Dipertua MPPG, Ahli-Ahli Majlis MPPG serta pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Sambutan Maulidur Rasul ini diteruskan lagi dengan penyampaian ceramah oleh penceramah jemputan, Al-Fadhil Ustaz Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim dan diserikan lagi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari qari jemputan, Yang Berbahagia Tuan Haji Mohamad Muslim bin Ali dengan bacaan Surah Al-Ahzab ayat 21 hingga 25. Majlis berakhir dengan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang kontigen yang menyertai perarakan yang disempurnakan oleh Yang Berhormat ADUN Permas, Dato Che Zakaria bin Mohd Salleh diiringi Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani. Seterusnya semua tetamu dan jemputan diraikan dengan jamuan makan.

Semoga program ini dapat dianjurkan pada masa akan datang kerana mampu memberikan nilai-nilai positif, terutama dari aspek rohani dan bagaimana kita mampu membentuk akhlak diri menjadi insan yang lebih baik di masa akan datang disamping terus memperingati dan menjunjung kasih dan cinta terhadap Rasul, Nabi Muhammad S.A.W.





Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani bersama Kumpulan MPPG yang bertanding selepas sesi Penyampaian Hadiah diadakan.

MPPG MERANGKUL ANUGERAH EMAS 5 BINTANG DI KONVENSYEN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN APIC 2019



Kumpulan An Najwan dan Proserve mendapat Anugerah Emas Lima Bintang dan tersenarai sebagai 20 Kumpulan Terbaik Kategori Kerajaan Awam Negeri.



Selepas mencapai kejayaan cemerlang dalam Peringkat Wilayah Pantai Timur di Kelantan pada Ogos lalu, MPPG meneruskan Kecemerlangan dalam Konvensyen KIK di peringkat Kebangsaan pula yang berlangsung pada 7 November yang lalu.

Annual Productivity and Innovation Conference and Exhibition (APIC) 2019 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Sunway Convention Centre, Selangor menghimpunkan hampir 200 kumpulan KIK dari seluruh Malaysia yang bertanding bagi merebut Anugerah Emas Lima Bintang. MPPG telah menghantar empat buah kumpulan, iaitu Kumpulan Trigger dari Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Kumpulan An-Najwan dari Bahagian Teknologi Maklumat, Kumpulan Siber dari Jabatan Perancang Bandar dan Kumpulan Proserve dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Dua buah kumpulan iaitu Kumpulan Proserve dan An-Najwan telah berjaya merangkul Anugerah Emas Lima Bintang dan berjaya mendapat 20 kumpulan terbaik bagi keseluruhan bagi Kategori Kerajaan Awam Negeri. Manakala dua lagi kumpulan berjaya mendapat Anugerah Emas Empat Bintang.

Tahniah dan syabas kepada semua kumpulan yang bertanding.



SESI TOWHALL

MPPG BERSAMA RAKYAT 2/2019

Townhall MPPG Sesi 2/2019 telah diadakan pada 15 Disember 2019 bertempat di Aras 3, Menara Aqabah. Program yang menjadi medan perbincangan antara komuniti dan pengurusan MPPG ini berjaya menyelesaikan isu semasa berkaitan masalah penduduk di Pasir Gudang. Melalui anjuran ini juga, penduduk dapat berkongsi idea dan berbincang mengenai apa sahaja isu dan aduan yang disampaikan bagi mencari penyelesaian yang terbaik.

Bagi Sesi 2/2019 ini, pihak MPPG turut menjemput Yang Berhormat Dato Che' Zakaria bin Mohd Salleh bagi bersama-sama dalam merungkai dan menyelesaikan isu serta masalah penduduk yang di adukan. Majlis dimulakan dengan pendaftaran tetamu, seterusnya taklimat berkaitan 'isu keselamatan lalu lintas' yang disampaikan oleh ASP Mohd Hafiz bin Loqman, Ketua Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan Trafik, IPD Seri Alam Pasir Gudang. Taklimat seterusnya pula disampaikan oleh Encik Mohd Zainal bin Mohd Dekan, Pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) Pasir Gudang.

Tuan Setiausaha, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap juga turut memberikan ucapan dan seterusnya merasmikan sesi dialog bersama rakyat. Majlis turut meraikan pemenang bagi Pertandingan 'Light Up Ramadan' yang telah diadakan pada bulan Ramadan yang lalu. Sebanyak 3 Kategori telah dipertandingkan iaitu kategori Zon Ahli Majlis Tercantik, Penyertaan Terbanyak dan Rumah Tercantik.

Seorang penduduk dari Taman Mawar, Encik Fazali bin Khambali berkata, "Sesi Townhall ini merupakan satu platform yang mampu memberikan kerjasama antara pihak Berkuasa Tempatan seperti MPPG dengan penduduk setempatnya, kesannya masalah dapat diatasi dengan cekap dan berkesan."



Tuan Setiausaha bersama Y.B. Dato Che Zakaria berbincang dan mengadakan sesi dialog bersama masyarakat yang hadir.



Bergambar kenangan bersama pemenang-pemenang Pertandingan Light Up Ramadan 2019.

SEMINAR PREMIS MAKANAN DAN TANDAS LESTARI SERTA PROGRAM 3R, PERKONGSIAN PINTAR EM MUDBALL DAN PENGKOMPOSAN



Seminar telah dirasmikan oleh En. Wan Hazan Amru bin Hasbullah selaku wakil rasmi YB Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (ADUN PERMAS)

Seminar ini telah diadakan bertempat di Dewan Muafakat Taman Bukit Dahlia bertarikh 16 Disember 2019. Seramai 380 peserta yang terdiri daripada penerima anugerah, pengurus, penyelia dan operator pembersihan tandas awam pelbagai kategori / agensi iaitu sekolah, stesyen minyak, rumah ibadat, restoran kelas 1 serta kontraktor lantikan MPPG yang menjalankan penyelenggaraan tandas ke atas premis milik MPPG seperti kawasan rekreasi, stesyen bas, stadium, kebyan dan dewan telah hadir dalam seminar ini.

Antara objektif penganjuran ini ialah:

- Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan persekitaran, premis, rumah dan tempat awam yang bersih melalui program pendidikan yang dijalankan seperti taklimat, kempen dan pameran.
- Menggerakkan semua pemilik-pemilik premis di Pasir Gudang supaya menjadikan amalan kebersihan sebagai salah satu cara hidup yang sihat.
- Memberi kesedaran kepentingan kebersihan tandas dan sebagai pencetus Kempen Budaya Tandas Bersih di semua premis dan PBT selaku 'lead agencies' membimbing pengusaha tandas kearah kearah tandas 5 Bintang.
- Mendidik dan memperkenalkan kaedah alternatif kepada penduduk (komuniti) dan pelajar institusi dalam merawat sungai dan saliran agar kualiti menjadi lebih baik menggunakan produk organik (bakteria) disamping membantu menjana pendapatan melalui aktiviti EM Mudball, Pengkomposan Sisa Makanan Dan 3R.



Seminar telah dirasmikan oleh En. Wan Hazan Amru bin Hasbullah selaku Wakil rasmi Y.B. Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh (ADUN PERMAS). Program dimulakan dengan acara penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Premis Makanan Terbaik, Pertandingan Tandas Awam Terbersih, Anugerah Pengumpulan Tertinggi Minyak Masak Terpakai, Anugerah Khas Pengumpulan Sisa Makanan Terbanyak (komuniti dan sekolah), Zon Teraktif EM Mudball dan Anugerah Pengkomposan Sisa Makanan Teraktif. Sebanyak 4 booth pameran disediakan yang turut dipenuhi oleh agensi swasta (Syarikat AS Cleaning Services, Camay Repellant dan Joywash) serta 1 booth khas bagi demonstrasi EM Mudball dan Baja Kompos oleh Bahagian Kesihatan MPPG kepada peserta seminar.

Disamping itu, sesi pembentangan kriteria pemarkahan pengredan premis makanan dan Garis Panduan Pengauditan Penarafan Bintang Tandas Awam telah dibentangkan oleh Ketua Bahagian Kesihatan, En. Muhammad Razif bin Ramlan di dalam Seminar ini bagi memastikan pemilik premis memahami tatacara dan kaedah yang diguna pakai oleh MPPG semasa pengauditan dilaksanakan. Selepas itu, satu siri Demonstrasi 'Kaedah Penilaian dan Rahsia Tandas 5 Bintang' dijalankan ditandas dewan tersebut bagi memberikan pemahaman yang mendalam kepada peserta seminar.



Tuan Setiausaha mengambil bahagian dalam acara cabutan bertuah dan kuiz di booth pameran yang disediakan.

LAWATAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG



MPPG telah menerima lawatan dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 7 November yang lalu. Seramai 5 orang warga kerja MBPP telah menyertai lawatan yang dianjurkan ini yang diketuai oleh Ir. En. Zainuddin bin Mohamad Shariff, Jurutera Kanan Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Antara aturcara lawatan, taklimat sesi pengenalan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, sesi taklimat berkaitan pengurusan cukai dan pungutan hasil cukai yang diuruskan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPPG.

Majlis berakhir dengan sesi penyampaian pertukaran cenderahati dan sesi fotografi. Semoga perkongsian yang diberikan ini, serba sedikit memberi input dan pengetahuan kepada jabatan berkaitan di Majlis Bandaraya Pulau Pinang kelak.



Penyampaian cenderahati kepada wakil Majlis Bandaraya Pulau Pinang oleh Puan Rahmah binti Mahmood selaku wakil Yang Dipertua.



Bergambar bersama selepas sesi taklimat berakhir.

LAWATAN MAJLIS DAERAH SIMUNJAN, SARAWAK

MPPG begitu berbesar hati kerana telah menerima lawatan dari Majlis Daerah Simunjan, Sarawak pada 18 November yang lalu. Seramai 20 orang Ahli Majlis Daerah Simunjan serta pegawai-pegawainya telah menyertai lawatan tersebut yang diketuai oleh En. Geoffrey bin Ramji, Setiausaha, Majlis Daerah Simunjan.

Antara objektif lawatan ini diadakan adalah bagi mempelajari amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh MPPG untuk dijadikan contoh kepada Majlis Daerah Simunjan serta memberi pendedahan dan pengalaman kepada Ahli Majlis secara langsung mahupun tidak langsung. Jabatan yang terlibat dalam sesi lawatan ini ialah Jabatan Kesihatan Awam, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Unit Korporat dan Perhubungan Awam dan Bahagian Landskap.

Majlis berakhir dengan sesi penyampaian pertukaran cenderahati dan sesi fotografi. Seterusnya delegasi dibawa melawat Santuari Sarang Buaya sebelum jamuan makan tengahari dan bersurai.



Delegasi dibawa melawat Santuari Sarang Buaya di Tanjung Langsat Pasir Gudang.



PASIR GUDANG NOVEMBER RUN 2019



Barisan urusefelia November Run 2019 bergambar bersama selepas acara tamat.

Program yang memasuki tahun ketiga ini adalah anjuran Pejabat Pengurusan Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Pasir Gudang bersama Kelab Sukan dan Kebajikan, MPPG yang juga berkonsepkan "fun run". Bertempat diperkarangan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang program ini telah diadakan pada 23 November yang lalu.

Dirasmikan oleh YB Dato' Che Zakaria Bin Mohd Salleh, ADUN Permas. Larian dimulakan dengan sesi *warming up* sebelum pelepasan peserta larian. Seramai 1,200 orang awam telah menyertai November Run 2019 ini. Yuran yang dikenakan kepada peserta adalah sebanyak RM45 untuk setiap penyertaan individu dan RM140 untuk penyertaan "Group of 4". Antara penaja yang turut menjayakan program larian ini adalah Titan Chemical Lotte, Lembaga Perlabuhan Johor, My Hero Market, MS Realty, Hospital Penawar dan beberapa syarikat swasta lain. Program berakhir kira-kira jam 11.00 pagi dengan acara cabutan bertuah yang berjumlah RM10,000.



MAJLIS PENGHARGAAN KEPADA PEGAWAI ZON AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

Sebagai menghargai jasa dan tugas pegawai Zon, Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Pasir Gudang, satu Majlis Penghargaan bagi pegawai-pegawai ini telah diadakan bertempat di Hotel Renaissance Johor Bahru pada 27 Disember yang lalu.

Seramai 24 pegawai zon MPPG telah diraikan dalam majlis ini. Program dimulakan dengan ucapan Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani. Seterusnya penyerahan cenderahati daripada empat orang WHIP Parti MPPG iaitu, Tuan Haji Abdul Halim bin Mohamad Dawam, Wan Mohd Hazan Amru bin Hasbullah, Tuan Haji Huzir bin Lip dan dan Cik Jessica Oh kepada Yang Dipertua. Kesemua pegawai zon menerima hadiah cenderahati dari pengerusi zon masing-masing.

Majlis diteruskan dengan acara makan malam sambil diringi oleh Kumpulan Keroncong MPPG. Aktiviti ramah mesra dan karaoke turut diadakan bersama semua yang hadir. Program tamat pada jam 10.00 malam.



Penyerahan cenderahati penghargaan kepada Yang Dipertua MPPG yang diwakili oleh empat WHIP Parti MPPG.



Majlis berakhir dengan sesi fotografi Pengerusi Zon dan Pegawai zon masing-masing bersama Yang Dipertua dan WHIP Parti.



MPPG RASMI TAMAN KOMUNITI BALAU PASIR GUDANG

Bagi memberikan keselesaan dan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Pasir Gudang, MPPG begitu komited memberikan kemudahan yang terbaik, justeru, satu lagi Taman Komuniti telah di bina dan dirasmikan di Pasir Gudang. Majlis perasmian Taman Komuniti Balau ini telah diadakan Taman Balau, Taman Rinting yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Negeri Johor, Tuan Tan Chen Choon selaku wakil rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bertarikh 29 Disember yang lalu. Projek pembinaan taman komuniti ini adalah perkongsian pintar antara Majlis Perbandaran Pasir Gudang sebagai penanda dan direkabentuk oleh Universiti Teknologi Malaysia.

Dalam majlis ini turut diadakan Majlis Penyampaian Hadiah Laman Indah Pasir Gudang 2019 peringkat Pasir Gudang. Pertandingan ini telah berlangsung pada September hingga November 2019 dan pemenang bagi pertandingan ini akan menjadi wakil ke Pertandingan Landskap Peringkat Negeri Johor yang di anjurkan oleh Jabatan Landskap Negeri Johor.

Tidak ketinggalan pada majlis yang sama telah diadakan juga penyerahan watak peralantikan Rakan Taman serta penyampaian peralatan Penyelenggaraan Landskap bagi tiga Taman komuniti terpilih melalui peruntukan Jabatan Landskap Negeri Johor dan sumbangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang kepada Taman Komuniti dan Kebun komuniti. YB EXCO turut mengadakan lawatan ke booth pameran yang diadakan dan turut menyiram pokok sebagai simbolik menyokong Program Rakan Taman Balau yang diadakan.



YB Tan Chen Choon selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor merasmikan Program Perasmian Taman Balau yang diadakan.



YB Tan Chen Choon menyiram pokok di Taman Balau sebagai simbolik menyokong program Rakan Taman Balau.

ENSA BULANAN

5 NOVEMBER
2019

PERHIMPUNAN BULANAN NOVEMBER 2019



Sambutan Hari Lahir warga kerja turut diraikan dalam perhimpunan pagi.

9 NOVEMBER
2019

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1441H
PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU



MPPG muncul Johan dalam acara perarakan pakaian terbaik Kategori Kerajaan/Badan Berkanun



MPPG turut menghantar wakil bagi menyertai acara perarakan yang diadakan.

11 NOVEMBER
2019

PERTANDINGAN MEMANGING DI KAMPUNG PERIGI ACHEH



Peserta-peserta yang mengambil bahagian acara ini, sabar dalam menunggu umpan mereka untuk dimakan.



MAJLIS PELEPASAN KONTINGEN MPPG KE SUKAN MALA 2019

13 NOVEMBER
2019



Penyerahan bendera MPPG oleh Tuan Setiausaha MPPG kepada Pn. Hajah Faridah Abdul Hamid selaku Ketua Pembangunan Sosial, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPPG yang mengetuai delegasi MPPG ke Sukan MALA.

PERSIAPAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1441H PERINGKAT PASIR GUDANG

13 NOVEMBER
2019



MAJLIS JAMUAN PERPISAHAN MANTAN SETIAUSAHA MPPG ENCIK SULAIMAN BIN ISMAIL

20 NOVEMBER
2019



Penyampaian wafikah tugas dari En. Sulaiman Ismail kepada Setiausaha MPPG yang baru, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap



**30 NOVEMBER
2019**

WALKABOUT ZON CAHAYA MASAI



Tuan Yang Dipertua turut turun padang ke tapak aduan masalah yang diajukan oleh penduduk.

**30 DISEMBER
2019**

PERTANDINGAN BOLING PIALA YANG DIPERTUA PASIR GUDANG 2019



Pasukan boling MPPG turut menyumbang kejayaan dalam pertandingan yang dianjurkan ini.

**31 DISEMBER
2019**

MAJLIS PENYERAHAN DEWAN MUFAKAT KAMPUNG CAHAYA BARU



Penyerahan replika kunci dari pihak kontraktor kepada pengurusan MPPG.



Peserta kayuhan bersedia memulakan acara *Fun Ride 2.0*

LEBIH 130 PESERTA MERIAHKAN MPPG FUN RIDE 2.0

MPPG *Fun Ride 2.0* 2019 telah berlangsung dengan meriahnya pada 28 Disember 2019 di Tapak Parkir Taman Bandar Bukit Layang-layang Pasir Gudang, Program berbasikal yang merupakan acara sukan tahunan MPPG ini telah memasuki tahun kedua penganjurannya. Lebih 130 peserta sukan berbasikal telah menyertai acara *MPPG Fun Ride* ini.

Program dimulakan dengan kehadiran peserta yang berkumpul di Tapak Parkir Taman Bandar. Pelepasan peserta bermula jam 8.00 pagi oleh Tuan Haji Zainor bin Adani Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang diiringi Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap Setiausaha Majlis Perbandaran Pasir Gudang serta Pn. Hajah Rahamah binti Mahmood Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat. Selepas tamat acara kayuhan berbasikal, program diteruskan dengan persembahan Abang Magic, jemputan ahli silap

mata, penyampaian cenderahati kepada penaja-penaja program dan di akhiri dengan acara Cabutan Bertuah.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada para penaja *MPPG Fun Ride 2.0* iaitu Ocean Mineral Water (M) Sdn. Bhd., Kipmall Masai, Johor Bahru Flour Mill Sdn. Bhd. dan Ye Chiu Metal Smelting Sdn. Bhd. Juga kepada urusetia program seperti Politeknik Ibrahim Sultan, penguatkuasa MPPG dan anggota polis yang membantu dari aspek keselamatan. Seorang peserta, saudara Noraimi bin Abdul Rahim berkata, 'ini merupakan kali kedua saya menyertai program larian ini, program seperti ini sangat sesuai dianjurkan kerana selain melakukan aktiviti kayuhan basikal, saya sekeluarga juga dapat meluangkan masa bersama dengan aktiviti riadah di Taman Bandar, Bukit Layang-Layang ini.'



Antara peserta anggota MPPG yang turut mengambil bahagian dalam program ini!



Penyampaian cenderahati penghargaan kepada penaja-penaja Program *Fun Ride 2.0* 2019 oleh Tuan Setiausaha MPPG.



Yang Dipertua menyampaikan ucapan dan merasmikan Majlis Penutup Sukan Dalam MPPG 2019.



Pasukan Merah turut menggunakan maskot dalam acara perbarisan dan perarakan yang diadakan.



Acara Sambutan Hari Lahir warga kerja bagi bulan Disember turut diadakan

MAJLIS PENUTUP SUKAN DALAMAN MPPG 2019

Majlis Penutup Sukan Dalam telah diadakan pada perhimpunan pagi bulan Disember. Hampir 400 warga kerja telah menyertai majlis yang diadakan ini. Program diadakan di Dataran Al-Hamra, Aras 3, Menara Aqabah dengan dimulakan perarakan masuk kontingen semua ahli pasukan. Yang Dipertua telah menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan acara penutup sukan dalaman MPPG. Penyampaian hadiah kepada semua pasukan juga turut diadakan dan sambutan hari lahir warga kerja bagi bulan Disember juga turut diraikan.

Warga kerja telah di bahagikan kepada 4 buah pasukan iaitu pasukan Biru, Hijau Merah dan Kuning. Sukan dalaman MPPG yang diadakan telah dijalankan sepanjang tahun 2019, dimana beberapa acara sukan telah dipertandingkan seperti Bola Sepak, Hoki, Bola Jaring, Futsal, Dart, Karom, Pingpong, Badminton dan Golf.

Bagi tahun 2019 ini, Pasukan Hijau telah dinobatkan sebagai johan. Tahniah diucapkan kepada pasukan Hijau.

KSK MPPG ANJUR PROGRAM CAMP JOURNEY TO JANNAH 2019

Berempat di Pusat Latihan Bina Semangat, Kampung Chinchin Melaka, program ini disertai seramai 87 orang sekitar Pasir Gudang. Aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan dibawah Biro Agama dengan kerjasama Waqaf An-Nur Corporation Berhad antaranya bertujuan memberikan kefahaman dan penekanan khususnya mengenai solat mengikut syariat Islam selain membina dan membentuk sahsiah yang mulia sebagai seorang muslim yang cemerlang didunia dan akhirat.

Program telah diadakan selama tiga hari dengan pengisian pelbagai aktiviti. Antara modul yang dijalankan ialah Af'alus Solah (perbuatan dalam solat), Aqwalus Solah (bacaan dalam solat), Wuduk, Qiamullail, aktiviti berkumpulan dan bermacam-macam lagi.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung.



KEJOHANAN KAROM TERBUKA PASIR GUDANG 2019



Kejohanan sukan yang merupakan anjuran tahunan MPPG ini bagi tahun 2019 begitu mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh Malaysia. Berlangsung dari 23 hingga 24 November, kejohanan ini telah menghimpunkan pemain-pemain karom berbakat dari seluruh Malaysia, antaranya dari Utara, Pantai Timur dan Selatan Tanah Air. Kejohanan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu Perseorangan Terbuka dan Beregu Terbuka. Hampir 50 orang peserta telah menyertai kategori perseorangan manakala lebih 30 pasukan telah berentap dalam kategori berpasukan atau regu. Hadiah yang ditawarkan bagi kejohanan ini adalah berjumlah hampir RM15,000.00 dari tempat pertama hingga saguhati ketujuh.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang bagi kategori Perseorangan Terbuka telah disempurnakan oleh Tuan Haji Abdul Hakim bin Abdul Manap Setiausaha Majlis Perbandaran Pasir Gudang selaku wakil rasmi kepada Yang Dipertua dan diiringi Puan Hajah Rahamah binti Mahmood, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPPG. Tuan Setiausaha juga sempat menyaksikan perlawanan akhir kategori regu. Manakala bagi kategori beregu terbuka, penyampaian hadiah disampaikan oleh Puan Hajah Faridah binti Abd Hamid.



KARNIVAL BOLA SEPAK PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR 2019

Perlawanan ini merupakan perlawanan antara Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Semua PBT Negeri Johor terlibat kecuali Majlis Daerah Tangkak dan di gantikan dengan Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. 28 hingga 29 November 2019 adalah merupakan sesi perlawanan dalam peringkat kumpulan. Seterusnya pada 30 November 2019 diadakan perlawanan Suku dan Separuh Akhir. Kesemua perlawanan telah diadakan di Padang Kastam MPPG, manakala bagi peringkat separuh akhir dan akhir telah diadakan di Stadium Perbandaran Pasir Gudang.

Perlawanan akhir telah dijalankan pada 1 Disember 2019 antara Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Majlis Daerah Yong Peng. Perlawanan ini tamat dengan kemenangan 2-3 kepada Pasukan Majlis Daerah Yong Peng dengan kemenangan sepakan penalti. Johan telah membawa pulang wang tunai RM5000.00 medal dan piala pusingan. Manakala pasukan MPPG SC mendapat Naib Johan dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM 3,000.00 dan medal.



Syabas dan tahniah diucapkan kepada pasukan bola sepak Majlis Daerah Yong Peng kerana berjaya dinobatkan johan.



LIGA PERDANA PASIR GUDANG : PIALA FA 2019

Perlawanan ini merupakan perlawanan selepas Piala Sumbangsih Liga Perdana Pasir Gudang 2019 pada tahun ini. Bertarikh 11 Disember 2019, Perlawanan akhir Piala FA ini menyaksikan pasukan MPPG SC menentang pasukan Iskandar FC yang berlangsung di Stadium Bolasepak Pasir Gudang. Perlawanan berlangsung selama 3 jam setengah dengan begitu sengit sekali dan diadili oleh empat orang pengadil.

Perlawanan ini tamat pada pukul 10.30 malam dan kemenangan berpihak kepada pasukan MPPG SC dengan jaringan 1-0 dan Naib Johan jatuh kepada Iskandar FC. Johan telah membawa pulang wang tunai sebanyak RM5,000.00 beserta Medal dan Piala Pusingan manakala Naib Johan pula membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000.00 dan juga medal. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh En. Nik Masri bin Moharani, wakil rasmi Yang Dipertua MPPG. Syabas dan tahnian diucapkan kepada pasukan tuan rumah, MPPG atas kejayaan yang membanggakan ini.



Antara babak-babak sengit bagi antara dua buah pasukan ini bagi merebut gelaran Johan, Piala FA 2019.



Pasukan MPPG SC dinobatkan sebagai johan dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM 5,000.00 berserta piala pusingan, piala iringan dan medal.



HARI BERTEMU PELANGGAN

JABATAN IMEGRESEN MALAYSIA

HARI BERTEMU PELANGGAN



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
NEGERI JOHOR
UTC PASIR GUDANG

ORANG RAMAI DIJEMPUT HADIR!!!

Tarikh : 13.12.2019 (Jumaat)

Masa : 09.00 pagi – 04.00 petang

Tempat : Ruang Legar UTC Pasir Gudang

Aktiviti-Aktiviti :

- Semakan Senarai Hitam
- Urusan Berkaitan Pasport Malaysia



Program Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Imigresen Malaysia anjuran JIM Cawangan UTC Pasir Gudang telah berlangsung pada 13 Disember 2019 bertempat di ruang legar UTC Pasir Gudang. Program ini adalah anjuran Jabatan Imigresen Malaysia Cawangan UTC Pasir Gudang dengan kerjasama Pejabat Pengurusan UTC Pasir Gudang. Objektif program ini adalah untuk membantu orang awam membuat semakan senarai hitam dan urusan yang berkaitan dengan pasport Malaysia. Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang ini berjaya menarik sekurang-kurangnya 300 orang awam yang hadir.

KARNIVAL HOKI 9 - SEBELAH PIALA YANG DIPERTUA MPPG 2019



Karnival Hoki 9's MPPG-Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia merupakan penganjuran sulung Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan pasukan Hoki KSK-MPPG dengan kerjasama Persatuan Hoki Johor serta Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar. Karnival hoki ini disertai oleh pasukan hoki dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pasukan hoki MPPG serta sebuah pasukan jemputan dari KBS-UTC Pasir Gudang bagi merebut Piala Yang Dipertua MPPG.

Kejohanan sukan ini telah berlangsung pada 21 dan 22 Disember yang lalu bertempat di Padang Hoki Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar Johor. Perlawanan akhir telah menyaksikan perlawanan antara pasukan Majlis Bandaraya Petaling Jaya menentang pasukan UTC Pasir Gudang dengan kemenangan kepada pasukan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Majlis Penyampaian Hadiah Karnival Hoki 9's Majlis Perbandaran Pasir Gudang ini telah disempurnakan oleh Pn. Hajah Faridah binti Abd Hamid, Ketua Bahagian Pembangunan Sosial, Jabatan Pembangunan Masyarakat. Turut hadir En. Mawi, En. Hilmi Hafidz, En. Ali dan En. Amirul Lye mewakili Persatuan Hoki Johor.

Semoga kejohanan hoki ini akan dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang dan menjadi sukan tahunan penganjuran MPPG kelak.



Antara aksi peserta dalam perlawanan yang berlangsung.



10 NOVEMBER 2019

Sumbangan Asnaf bersempena Sesi Mesra Rakyat Kg. Perigi Aceh

Program telah diadakan di Kampung Perigi Aceh, Pasir Gudang. Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Chen Choon, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar diiringi oleh Tuan Hj. Zainor bin Adani, Yang Dipertua MPPG. Seramai 50 orang penerima telah mendapat manfaat daripada bantuan ini. Setiap penerima menerima sumbangan barangan keperluan asas bernilai RM100 dan sumbangan tunai bernilai RM100 sumbangan Yayasan Pasir Gudang.



10 NOVEMBER 2019

Taklimat Penyelia Pusat Tuisyen Komuniti Percuma YPG

Program ini merupakan program tahunan dengan mengumpulkan penyelia-penyelia yang telah dilantik daripada 19 buah PTK Percuma YPG yang beroperasi untuk tahun 2020. Agensi yang terlibat ialah Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Yayasan Pasir Gudang.



30 NOVEMBER 2019

Free Health Camp Program

Program ini merupakan program pemeriksaan pakar kesihatan KPJ secara percuma kepada penduduk sekitar Bandar Seri Alam yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Steven Choong Shiau Yoon, Ahli Parlimen Tebrau dan Encik Syed Othman bin Abdullah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Selain pemeriksaan kesihatan, aktiviti pertandingan mewarna untuk kanak-kanak dan sukan rakyat terbuka kepada penduduk zon Kota Masai 3 turut diadakan. Antara objektif program ialah memberi peluang golongan B40 dapat menikmati khidmat konsultasi doktor pakar KPJ secara percuma dan memberi kesedaran kepada kepada golongan tersebut untuk lebih menjaga kesihatan.



5 DISEMBER 2019

Majlis Penyerahan Bantuan Back to School 2020

Program ini juga merupakan program tahunan Yayasan Pasir Gudang untuk membantu keluarga kurang bernasib baik bagi bersama meraikan anak mereka yang akan memulakan alam persekolahan mereka. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Y.B. Cik Liow Cai Tung, Pengerusi Yayasan Pasir Gudang diiringi Y.B Dato Che Zakaria bin Mohd Salleh ADUN Permas. Program ini melibatkan 1000 orang pelajar daripada kawasan Pasir Gudang. Setiap pelajar menerima sumbangan beg sekolah dan baucar pembelian kelengkapan persekolahan bernilai RM130 tajaan Yayasan Pasir Gudang.



9 DISEMBER 2019

Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Krismas 2019

Program ini juga merupakan program tahunan bagi meraikan bersama-sama masyarakat di Pasir Gudang yang menyambut perayaan Hari Krismas. Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang diiringi oleh Encik Syed Othman bin Abdullah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Seramai 200 orang penerima yang meraikan perayaan Krismas telah menerima sumbangan tersebut. Setiap penerima menerima sumbangan barangan keperluan asas bernilai RM100 dan sumbangan tunai bernilai RM100 sumbangan Yayasan Pasir Gudang. Sumbangan adalah bagi meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan dan bagi meraikan hari Krismas



11 DISEMBER 2019

Majlis Penyerahan Bantuan Back to School 2020 Kerjasama Southern Power Generation Sdn. Bhd.

Program ini merupakan program CSR daripada syarikat Southern Power Generation Sdn. Bhd. dengan kerjasama Yayasan Pasir Gudang telah memasuki tahun kedua bagi membantu keluarga yang kurang bernasib baik serta meraikan pelajar yang baru bersekolah. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Cik Norfaizah binti Mohd Yusof, wakil SPG diiringi oleh Encik Syed Othman bin Abdullah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YPG. Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada 100 orang pelajar. Setiap pelajar menerima sumbangan beg sekolah dan baucar pembelian kelengkapan persekolahan bernilai RM130 tajaan sepenuhnya Southern Power Generation Sdn. Bhd.





INFO TERKINI

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Muzium Layang-Layang Kite Museum

Muzium Layang-Layang Pasir Gudang merupakan muzium layang-layang pertama di Malaysia. Berdiri megah di Bukit Layang-Layang, kewujudan muzium ini adalah sebagai satu tanda penghargaan terhadap sumbangan para pelayang di Malaysia dan diperingkat global. Berbekalkan kesedaran dan wawasan untuk memartabatkan pusaka bangsa ini disamping menghargai hasil kerja yang disumbangkan, maka pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan kerjasama Majlis Pelayang Malaysia dan Persatuan Pelayang Johor telah merealisasikan impian tersebut dengan terbinaanya Muzium Layang-Layang Pasir Gudang pada bulan Februari 2002 ketika berlangsungnya Festival Layang-Layang Antarabangsa Pasir Gudang Yang ke-7. Mula dibuka kepada orang ramai pada 9 Februari 2002.



Dibuka setiap hari dari 9.00ptg - 5.00ptg
Jumaat 9.00ptg - 12.15tgh / 2.45ptg - 5.00ptg



Pasir Gudang Kraf

Pasir Gudang Kraf menghasilkan produk seramik menggunakan teknik 'Under Glaze'.

Keunikan produk Pasir Gudang Kraf terserlah oleh konsep yang eksklusif bermotifkan seni khat kaligrafi islam yang dihasilkan dengan lukisan tangan dan corak kontemporari bermotifkan alam semulajadi, batik dan songket.

Pasir Gudang Kraf juga menyediakan jualan cenderamata seramik untuk pengunjung yang hadir.



Masuk adalah PERCUMA



Dibangunkan di dalam kawasan hutan paya bakau dan terletak bersebelahan dengan Pelabuhan Tanjung Langsat. Terletak 18 km dari Pusat Bandar Pasir Gudang, 45 km dari Johor Bahru merupakan sebuah pusat ekopelancongan mesra alam dengan konsep utamanya sebagai Santuari Buaya Tembaga yang mampu menempatkan dan mempamerkan lebih 500 ekor buaya dari pelbagai saiz dan peringkat umur di dalam 6 buah kolam khas yang dibina.

Buaya Tembaga merupakan spesies buaya tempatan yang hampir pupus serta dilindungi sepenuhnya oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Sarang Buaya juga mempunyai keunikannya tersendiri kerana struktur binaan kolam yang menyerupai tapak kaki.

Santuari Buaya Tembaga mula dibuka kepada orang ramai pada 9 Februari 2009.

Dibuka setiap hari dari 9.00ptg - 5.00ptg
Jumaat - 9.00ptg - 12.00tgh / 2.45ptg - 5.00ptg



SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

 TELEFON 07-254 7777	 FAKS 07-251 5260	 EMEL mppg@johor.gov.my	 SKUAD TINJAU 013-377 1710
----------------------------	-------------------------	-------------------------------	----------------------------------

UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI

Majlis Perbandaran Pasir Gudang & Yang Dipertua MPPG